

18/06/1997

Israel perlu cepatkan proses perdamaian

PERHIMPUNAN Agung PBB (UNGA) Mac lalu, meluluskan ketetapan menggesa Israel menghentikan sebarang tindakan yang boleh mengancam keamanan di Asia Barat. Masyarakat dunia melihat langkah itu sebagai mesej jelas bahawa Israel mesti menghentikan rancangan membina 6,500 penempatan untuk penduduk Yahudi di Har Homa, Baitulmaqdis Timur.

Malangnya, apa jua keputusan dan pandangan yang diberikan masyarakat dan pemimpin dunia, Israel tetap tidak berganjak. Mereka masih berdolak-dalik. Mereka tetap mahu menguasai kawasan di Lembah Jordan; di sepanjang permatang gunung utara-selatan yang melalui Tebing Barat; sekitar blok penempatan Gush Etzion di selatan Baitulmaqdis; sepanjang sempadan barat Tebing Barat dengan Israel, dan di kedua-dua koridor yang menyambungkan Baitulmaqdis dengan wilayah selebihnya di Israel.

Keinginan mereka itu jelas sekali. Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, dalam temuramah dengan Newsweek keluaran terbaru berkata, beliau menolak sebarang pembentukan negara Palestin walaupun mahu rundingan dipercepatkan. Pemimpin Yahudi itu juga bertegas Israel tidak akan menghentikan projek pembinaan perumahan Yahudi di Baitulmaqdis dan pada masa yang sama enggan menyerahkan sebarang kawasan penempatan Yahudi.

Kita percaya keamanan antara Israel dan Palestin hanya boleh dicapai dengan mewujudkan sebuah negara Palestin di semua wilayah yang ditakluki pada 1967. Mengikut perjanjian 1993, kedua-dua pihak mempunyai sehingga 1999 untuk mencapai perjanjian akhir menyelesaikan semua isu berbangkit, antaranya penubuhan negara Palestin, sempadan, masa depan penempatan baru.

Bagaimanapun, Netanyahu berkali-kali mengulangi bantahannya terhadap cita-cita Palestin untuk membentuk sebuah negara sendiri. Berdasarkan pelbagai kenyataan pemimpin Yahudi itu, setiap tindakan mereka bukannya ke arah mencapai keamanan, sebaliknya mahu mencetuskan peperangan. Beliau kerap menegaskan pendirian Israel mahu mengekalkan hak pemilikan terhadap Baitulmaqdis dan sebahagian besar Tebing Barat dalam perjanjian akhir dengan Palestin.

Lantaran itu, kita melihat Netanyahu lebih kepada usaha membunuh proses damai Asia Barat hinggakan pelbagai rundingan menemui jalan buntu dan bila-bila masa saja krisis besar boleh meletus. Pelbagai kenyataan Netanyahu hanya menyebabkan penduduk Palestin lebih marah. Rusuhan di jalan raya semakin ganas kerana mereka tidak mahu Israel meneruskan projek perumahan penduduk Yahudi di wilayah Arab.

Kita percaya Amerika Syarikat yang mempunyai kuasa dan pengaruh besar terhadap Israel, dapat melaksanakan usaha berkesan menyelesaikan konflik di Timur Tengah itu. Washington boleh menggunakan kuasa dan pengaruhnya untuk membawa kedua-dua pihak yang bersengketa ke meja rundingan dan akhirnya mewujudkan kedamaian di Timur Tengah. Malangnya, usaha terbaru Amerika dan Mesir menyelesaikannya seolah-olah tidak berdaya menyebabkan Israel dan Palestin semakin terjerumus dalam kancah keganasan. Tuntutan Palestin supaya Yahudi membekukan semua pembinaan penempatan ditolak sama sekali.

Kita tidak pasti bila cahaya keamanan akan terbit di Asia Barat. Kedegilan Israel dan Amerika yang kerap bermuka-muka, menyebabkan segala usaha semakin sukar. Yahudi tetap dengan pendiriannya dan hanya melihat umat Islam Palestin sebagai musuh ketat. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, keamanan di Asia Barat hanya akan wujud jika Israel mengubah sikap dan pemikirannya yang mengutuk umat Islam dan

bangsa Arab sebagai musuh mereka yang abadi. Pemikiran seperti itu adalah penghalang kepada sebarang kemajuan untuk mencapai keamanan berkekalan di Asia Barat.

Kita mahu kerajaan Israel mengubah sikap dan pemikiran mereka kerana bangsa Arab, Palestin dan umat Islam tidak pernah menganggap Yahudi sebagai musuh abadi untuk selama-lamanya. Israel perlu peka apakah langkah melengah-lengahkan proses damai itu sebagai satu keputusan yang baik untuk kepentingan dunia. Masyarakat dunia bimbang usaha damai akan terus berhenti dan terbengkalai meskipun sudah banyak masa, tenaga dan wang dikorbankan. Kita tidak mahu perkembangan baru yang tidak menggalakkan usaha damai terus berlaku sama ada disengajakan atau tidak. Rakyat Palestin sudah terlalu lama menderita. Mereka perlukan pembelaan tetapi jika kuasa besar dan rejim Israel terus bersandiwara di sebalik janji manis perjanjian damai, sukar bagi dunia menanti apakah kesudahannya.

(END)